

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELUASAN PENGAMBILAN CALON GURU TAJAAN KPM BAGI
LATIHAN PRA PERKHIDMATAN PISMP TAHUN 2024 KEPADA
LEPASAN STPM, STAM DAN PROGRAM MATRIKULASI**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk memperluas pengambilan calon guru tajaan KPM bagi mengikuti latihan pra perkhidmatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) kepada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Program Matrikulasi mulai ambilan tahun 2024.

Ini merupakan inisiatif KPM bagi membuka peluang kepada lebih ramai calon yang berminat menjadi guru untuk memohon kemasukan ke program PISMP. Ia juga dapat memastikan calon terbaik dapat dipilih bagi mengikuti program ini.

Calon yang terpilih akan dilatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam pelbagai bidang pengkhususan untuk tempoh kursus selama EMPAT (4) tahun.

Inisiatif ini membuktikan komitmen berterusan KPM dalam menangani isu kekurangan guru selain memastikan kualiti calon guru terbaik yang dapat menyumbang kepada agenda reformasi pendidikan negara.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
13 APRIL 2024**